

MASJID PUNCAK ALAM : IMARAH HISSI DAN MAKNAWI

Dr. Shuhadak Mahmud
Nazir Masjid Puncak Alam

ABSTRAK¹

Dr. Wahbah al-Zuhaily menyebutkan bahawa 'imarah masjid merangkumi dua kategori: hissi dan ma'nawi. Imarah hissi (yang boleh dilihat dan diukur dengan pancaindera) seumpama memperelokkan bangunannya, membersihkannya, memasang karpet, menyalakan lampu dan seumpamanya. Manakala 'imarah ma'nawi pula bermaksud solat, zikir, iktikaf, ziarah dan zikir yang paling agung ialah pengajian ilmu bahkan inilah 'imarah yang paling utama seperti yang disebut oleh Imam al-Zamakhshari. Masjid Puncak Alam (MPA) yang beroperasi semenjak 2014 diwakaf oleh Tan Sri Rozali Ismail dan diurustadbir secara persendirian dengan mandat yang diberikan oleh MAIS. MPA berusaha untuk merealisasikan mafhum imarah hissi dan maknawi ini. Program takmir telah banyak memberikan kesan yang positif kepada perkembangan agama Islam serta pengimarahkan masjid dan 13 surau yang berada dibawah kariah MPA. MPA seperti masjid-masjid yang lain telah menggunakan pendekatan ini sebagai medium penyampaian ilmu Islam ke tengah masyarakat. Kajian ini akan meninjau bagaimanakah perlaksanaannya di MPA dan apakah cabaran yang dihadapi dalam meneruskan kesinambungannya dalam senarai aktiviti masjid. Kajian ini meneliti berbagai-bagai dokumen termasuk buku-buku, kertas kerja, fail-fail jabatan agama negeri termasuk teks-teks ucapan oleh pihak berwajib agama seperti JAIS dan MAIS serta Ahli Lembaga Pentadbiran MPA mengenai perihal penyaluran ilmu melalui masjid. Semua maklumat ini dianalisis untuk mendapatkan gambaran semasa berkaitan pelaksanaan program takmir MPA Kajian ini mendapati program ini telah memberi peluang kepada masyarakat awam untuk menjadikan MPA sebagai pusat sumber bagi mendapatkan ilmu agama. Program ini merupakan kaedah dakwah yang terbaik dalam pendekatan fardu ain untuk masyarakat umum, muallaf dan asnaf-asnaf yang lain. Dari aspek imarah hissi, MPA sangat menitikberatkan pentadbiran yang cekap dan menepati SOP. Staf dari unit sumber manusia, kewangan, aset, kerani, teknologi maklumat, imam eksekutif, pegawai agama wanita kebersihan dan melibatkan pekerja kebersihan yang melaksanakan tugas-tugas kebersihan dan keceriaan yang dibantu oleh seorang penyelia. Landskap yang ceria dan menghijau dan sistem pencahayaan dan sistem pembesar suara yang dikawal selia dengan rapi amat membantu merealisasikan keceriaan dan menjanjikan keselesaan bagi seluruh pengunjung masjid. Ini semua bertujuan menjadikan MPA sentiasa bersedia diimarahkan dengan penuh keceriaan imarah hissi dan maknawi.

1

Visi

Untuk melahirkan masyarakat Islam yang komited terhadap masjid dengan mempelbagaikan aktiviti dan program pengimarahanan kepada seluruh masyarakat kearah pembangunan masjid cemerlang serta membina modal insan yang tauhidi.

Misi

Menjadikan pengurusan masjid lebih teratur, cekap dan sistematik yang berasaskan pengurusan Islam (Al-Quran dan Hadith) yang akan dikendalikan oleh kakitangan yang berkeelayakan dan berkemahiran dalam pengurusan masjid

Bagi mencapai visi dan misi tersebut

Masjid Puncak Alam akan berfungsi sebagai :-

- Pusat penyebaran ilmu dan dakwah berasaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah
- Pusat aktiviti membangunkan ummah dengan mengamal dan menghayati Budaya Islam merangkumi (Ibadah Khassah) sosial, ekonomi, politik dan lain-lain.

Pusat rujukan ilmu-ilmu Islam dengan menyediakan pusat sumber yang lengkap sebagai pusat rujukan, Pusat aduan masyarakat setempat melalui Biro Pengaduan dan Bantuan Awam yang dikendalikan oleh pegawai Kaunseling Bertauliah.

Untuk melahirkan masyarakat Islam yang komited terhadap masjid dengan mempelbagaikan aktiviti dan program pengimarahanan kepada seluruh masyarakat kearah pembangunan masjid cemerlang serta membina modal insan yang tauhidi.

HUBUNGAN MASJID PUNCAK ALAM

Masjid Puncak Alam telah diserahkan kepada Perbadanan Waqaf Selangor MAIS setelah siap sepenuhnya pada 16 Jun 2014. Walaubagaimanapun Ybhg Tan Sri Rozali dengan syarikat utamanya Puncak Niaga Holding Berhad telah mendapat mandat dari MAIS untuk meneruskan pengurusan Masjid Puncak Alam ini. Ybhg Tan Sri juga menerima amanat dari DYMM Sultan Selangor untuk mentadbir urus Masjid Puncak Alam ketika Majlis Perasmian Masjid Puncak Alam pada Hari Jumaat 10 Julai 2015 bersamaan 23 Ramadan 1436H.

Setiap 6 bulan, laporan kewangan Masjid Puncak Alam di serahkan kepada Pejabat Agama Daerah Kuala Selangor. Setiap tahun, Masjid Puncak Alam ada membuat program bersama agensi agama dan menghadiri setiap jemputan program daripada JAIS, Jabatan Mufti Selangor dan agensi berkaitan yang lain. Selain itu, Lembaga Zakat Selangor, Lembaga Tabung Haji, JKM dan agensi kerajaan yang lain ada mengadakan program dan membuka kaunter di Masjid Puncak Alam. Masjid juga menjadi pusat menghimpun NGO-NGO termasuklah Majlis Persatuan Penduduk untuk bermesyuarat dan mengadakan program yang bersesuaian seperti Program Gotong-Royong Perdana, Semarak Merdeka dan lain-lain lagi. Masjid Puncak Alam dan UiTM Puncak Alam juga sentiasa berkabolerasi dalam program-program dan menyediakan prasarana untuk pelajar UiTM membuat kerja kursus di lapangan. Di kalangan pelajar UiTM juga ada yang menyertai sukarelawan Masjid di dalam membantu program dan aktiviti pengimarahanan Masjid.

BILANGAN MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2017

Daerah/Masjid	Petaling	Gombak	Hulu Langat	Klang	Sepang	Sabak Bernam	Kuala Langat	Hulu Selangor	Kuala Selangor	Jumlah
Negeri	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Daerah	1	1	1	1	1	1	1	1	1	9
Diraja	1	-	-	3	1	-	1	-	-	6
Naiktaraf	10	-	1	1	-	-	-	-	1	13
Kariah	68	41	43	43	20	47	31	24	55	372
Institusi	5	2	5	-	4	-	-	-	1	17
Jumlah	86	44	50	48	26	48	33	25	58	418

Pengurus, Imam dan AJK perlu berpegang dengan ciri-ciri berikut : aqidah yang sohih, memahami fiqh ibadah, menguasai Bahasa Arab, bijaksana didalam merancang dan bertindak, ucapan dan mesej yang disampaikan jelas, berkaliber dan bertaqwa: Jamaluddin al-Qasimi Islah.

Maksud takmir : Dr Mahmud Abd al-Rahman (t.t) Mu'jam Mustalahat wa al-Faz al-Fiqhiyyah Ta'mir di ambil daripada perkataan 'ammara yu'ammiru ta'miran wa 'imaratan. 'Imarah bermaksud menghidupkan sesuatu tempat dan mengaktifkannya menurut tujuan ia dibangunkan. Sebahagian Salaf al-Saleh pernah berkata: apabila kamu melihat seseorang yang meng'imarahkan masjid, maka hendaklah kamu berbaik sangka dengannya. Menurut kamus dewan (2002) Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, takmir ialah usaha dan kegiatan menjadikan sesuatu makmur, gilang gemilang, giat dan digunakan sepenuhnya. Takmir masjid merujuk kepada usaha menjadikan masjid sebagai pusat pelbagai kegiatan agama. Istilah-istilah yang berkait rapat dengan takmir ialah seperti ta'lim, irsyad, tausiah, mau'izah, tafaqquh dan lain-lain. Istilah-istilah tersebut mempunyai konsep dan maksud yang hampir sama dengan takmir iaitu penyampain ilmu dari seorang kepada yang lain..Majlis Ta'lim adalah majlis menyampaikan ilmu dari orang alim kepada golongan pelajar. Secara etimologi ia diertikan sebagai tempat melaksanakan pengajian agama Islam Ensiklopedia Islam jilid 3. Irsyad Ibn Manzur (2003) Lisan al-'Arab, Dār al-Hadis Kaherah ialah memberi bimbingan dan petunjuk. Mau'izah bermaksud memberi nasihat dan peringatan. Tazkirah menurut 'uruf di Malaysia ialah ceramah pendek dan ringkas. Tafaqquh pula memberi maksud memahami dan mendalami ilmu fiqh dan syariah Islamiah Muhammad Hijazi (2003) al-Tafsir al-Wadhih, Dār al-Tafsir, Zaqaqiq. Yusof al-Qaradhawi (2001) al-'Aql Wa al-'Ilm Fi al-Quran al-Karim, Muassasah al-Risalah Beirut Proses tafaqquh berlaku apabila seorang murid mendampingi guru yang rabbani, bertanya dan berdiskusi secara langsung dengan guru tersebut. al-Bukhari Ibn Hajar al-'Asqalni (t.t) Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari, Dār al-Fikr Beirut menggunakan istilah mau'izah dan ta'lim didalam memberikan tajuk iaitu bab marah ketika melihat perkara yang dibenci.

Operasi MPA : Mengimarahkan masjid merupakan ciri-ciri orang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat. Ia mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan hanya takut kepada Allah. Inilah golongan yang mendapat petunjuk daripada Allah menurut ayat yang mulia ini Muhammad Hijazi (2003) *al-Tafsir al-Wadhih*.

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۖ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ - 9:18

Hanyasanya Yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang Yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat Yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan Yang mendapat petunjuk.

Surah al-Taubah: ayat 18

Syaikh Muhammad Rashid Redha dalam mentafsirkan ayat ini menegaskan bahawa, orang-orang Islam yang sempurna dan berhak melakukan khidmat baik kepada masjid ialah mereka yang memiliki keimanan kepada Allah S.W.T, hari akhirat, mendirikan solat yang fardhu, mengeluarkan zakat dan mereka melakukan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya sama ada disukai oleh orang lain atau tidak, itu semua tidak menjadi perhitungan Allah. Apabila pembinaan masjid, pengimarannya, pengisian serta penghayatannya tidak berdasarkan taqwa tetapi kerana tujuan-tujuan yang menyeleweng dan terkeluar dari dasar Islam seperti kemegahan, atau mencari pengaruh maka ia akan mendatangkan perpecahan kepada umat Islam. Masjid tersebut hanyalah merupakan sebuah bangunan yang indah tersergam tetapi tiada mempunyai roh dan semangat serta tidak akan memberikan manfaat yang sewajarnya kepada umat Islam. Ayat al-Qur'an di atas tadi telahpun menjelaskan asas pembinaan masjid dan syarat-syarat mengimarhkannya. Oleh yang demikian adalah menjadi kewajipan kepada kita untuk memenuhi dasar-dasar dan menta'ati syarat-syarat tersebut Dr. Mahmud Saidon (1984) Masjid: Peranan dan Fungsinya. Jabatan Mufti Negeri. Sembilan.

Imam Ibnu Kathir pula menyebutkan bahawasanya 'imarah masjid hanya berlaku bagi mereka yang memiliki kesempurnaan dari aspek ilmu (teori) dan amal (praktikal). Di antara bentuk pengimaran ialah membina, menghiasinya, menerangkan cahaya, beribadah dan mengadakan pengajian ilmu di dalamnya Kementerian Waqaf Kuwait (1994) Mausua'h Fiqh. Mengingati Allah (zikrullah) dalam masjid dan juga di tempat-tempat lain haruslah difahami dengan cara yang lebih luas iaitu; mencakupi solat, membaca al-Qur'an, azan, mengajar, mempelajari ilmu agama dan ilmu-ilmu yang mendatangkan manfaat, berdakwah dan sebagainya, di samping pengertian zikrullah secara khusus, seperti bertahlil, bertahmid dan bertasbih Mahmud Saidon. Dr Yusoff al-Qaradhawi (2003) al-Dhawabit al-Syar'iyah Libina' al-Masajid, menegaskan konsep imarah yang sebenar ialah dengan mengimarahkan masjid dan surau dengan program-program ilmiah, ruhiyyah dan kemasyarakatan. Memakmurkan masjid bermaksud mendirikan solat di dalamnya, berdoa, berzikir dan menegakkan syiar-syiarinya. Takrif ini menggambarkan bahawa masjid bukan hanya tempat untuk melaksanakan ibadat, tetapi juga untuk menyampaikan dakwah Islam. Aktiviti pengajian ilmu agama perlu diadakan di masjid-masjid supaya ia sampai kepada masyarakat dengan baik. Masjid itu adalah madrasah dakwah, demikian juga ianya adalah pejabat negara Islam. Padanya diadakan mau'izah dan pengajian harian, mingguan dan ceramah berkala. Masjid berperanan memberikan ilmu kepada yang jahil, pertolongan kepada yang fakir, memandu urusan kesihatan dan kemasyarakatan, menyebarkan berita yang penting untuk ummat, bertemu dengan diplomat asing, mengatur tentera di medan perang, juga menghantar pendakwah dan perwakilan untuk perdamaian". Saranan ini merangkumi kedua-dua imarah maknawi dan hissi yang sedang berlangsung di MPA. Konsep masjid sebagai operasi takmir pernah disarankan dizaman salaf al-Saleh. Ibn Abd al-Bar : Jami' Bayan al-'Ilm Wa Fadhlihi, Abdullah al-Azdi pernah bertanya Ibn Abbas

mengenai jihad lantas beliau menegaskan: kamu membina masjid, kamu mengajar al-Quran, al-Sunnah dan al-Fiqh di masjid tersebut.

Masjid di zaman Rasulullah adalah sebagai satu pusat pembelajaran yang sangat penting. Disitulah para sahabat dididik oleh Rasulullah sebagai generasi yang sangat unggul didalam lipatan sejarah Dr Jamil Hasyim Masjid Sebagai Sumber Kekuatan Ummah.

Halaqah ilmu sunat diadakan dimasjid. Hal ini disebut oleh al-Nawawi didalam Syarh al-Muhadzab dan Ibn Battal pula menyebutkan perkara ini telah menjadi ijma' Ulama' Badr al-Din al-Zarkasyi.

من دخل مسجدنا هذا ليعلم خيرا أو ليتعلم كان كالمجاهد في سبيل الله

Ertinya : Sesiapa yang masuk kedalam masjid kami untuk mengajar kebaikan atau belajar maka ia seumpama mujahid fi sabilillah

Sahih Ibn Hibban Kitab Ilmi

Masjid di zaman Baginda S.A.W Mahmud Saidon adalah merupakan pusat 'ibadat dan mu'amalat, penyebaran Islam, pemerintahan dan pentadbiran, gedung ilmu pengetahuan, khazanah hikmat, pembentukan akhlak dan juga merupakan pusat kegiatan yang mendatangkan manfaat kepada Islam dan umatnya. Islam tidak menghadkan risalah masjid hanya untuk menunaikan salat lima waktu sahaja: Shaikh Ali Mohammad Mokhtar malahan Rasulullah s.a.w. mahukan masjid memainkan peranan yang positif dan dinamik di atas suatu matlamat yang suci iaitu memberi khidmat kepada masyarakat Islam sejagat. Di samping itu, ia adalah tempat menunaikan solat lima waktu. Masjid juga adalah tempat membaca dan membuat kajian, sebagai pusat ilmu dan perbincangan, majlis perdamaian dan kehakiman, pusat bantuan dan takaful serta tempat memberi pandangan dan bermesyuarat. Dapatan ini membuktikan bahawa masjid telah diurus dengan cemerlang dari sudut hissi dan maknawi.

Masjid Nabawi telah dibangunkan tempat pengajian yang bersambung dengan masjid dan ia dinamakan sebagai al-Suffah. Al-Suffah telah menjadi madrasah berbentuk formal yang terulung dalam pendidikan Islam. Selain daripada Masjid Nabawi, terdapat juga masjid-masjid lain yang terkenal dengan aktiviti pengajian iaitu Masjid Jami' Damsyiq, Masjid Jami' Qairawan, Masjid al-Mansur di Baghdad dan Masjid al-Azhar di Mesir yang berubah menjadi universiti moden dan mempunyai beberapa fakulti (<http://www.melayu.sg/forum/index.php>). Kegemilangan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu Islam dan ilmu-ilmu lain diteruskan lagi pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar al-Khattab, seluruh kawasan yang dikuasai Islam telah didirikan masjid yang berfungsi sebagai tempat ibadat di samping menjadi institusi pendidikan. Di zaman Kerajaan Bani Umaiyah, perkembangan ilmu pengetahuan dan pembasmian buta huruf dilaksanakan di institusi masjid. Selain daripada belajar membaca dan menulis, pelajar-pelajar juga diajar ilmu tafsir, hadith, fiqh, bahasa dan kesusasteraan Arab serta lain-lain pelajaran semasa. Di zaman Abbasiyyah pula, masjid tetap dijadikan institusi pendidikan di samping surau, istana dan sekolah yang lebih moden. Hasil daripada kegiatan pengajian di masjid ketika itu, lahir ilmuan yang tersohor dalam pelbagai bidang: Qasim al-Nuri (2003) *Muqaddimah al-Bayan*.

Di Tunisia, masjid Qairawan telah menjadi tumpuan ulama' dan penuntut seluruh dunia untuk menimba ilmu pengetahuan. Antara graduan terkenal yang dihasilkan oleh masjid ini ialah al-Kindi, pakar perubatan dan juga seorang jurutera yang termasyhur. Universiti al-Azhar di Mesir adalah asalnya sebuah masjid

(Jami' al-Azhar). Ia telah didirikan sejak tahun 976 masihi dan dianggap universiti tertua di dunia yang mengeluarkan ratusan ribu graduan dalam pelbagai jurusan. Khalifah al-Aziz bertanggungjawab mengubah fungsi masjid menjadi pusat pendidikan tinggi Islam Ensiklopedia Islam. Cara pendidikan yang disebarkan melalui institusi rasmi ini dikenali sebagai *Darul-'Ilm*. A.L Tibawi Sejurus berikutan daripada penaklukan Kaheerah, sebuah masjid telah ditubuhkan sebagai gedung pembelajaran mengikut doktrin pemerintah-pemerintah baru itu. Masjid itu kini terkenal sebagai al-Azhar diandaikan sebagai universiti tertua di dunia. Cara pembelajaran sebegini yang pada hakikatnya terhad kepada peringkat pasca-asas (post-elementary level) masih belum mencukupi. Elemen asas masih perlu di pelajari secara persendirian atau lebih rasmi di *Maktab*. Sebagai tindakbalas kepada cara pembelajaran Kaheerah ini, Baghdad telah menggunakan satu langkah pendekatan yang serupa. Abad kelima Islam telah menyaksikan kebangkitan sebuah lagi institusi baru pembelajaran untuk orang dewasa dikenali sebagai *al-Madrasah* di Baghdad. Seperti juga di Kaheerah, method dan silibus pendidikan di Baghdad telah ditubuhkan mengikut doktrin pemerintah. Untuk pertama kalinya dalam sejarah guru-guru pendidikan Islam telah digajikan seperti penjawat-penjawat awam oleh negara. Pelajar-pelajar menerima pendidikan, penginapan dan makanan percuma di bawah yayasan tertentu. Walaupun doktrin berbeza, institusi-institusi baru ini mempunyai kurikulum yang serupa. Pembelajaran teras agama seperti Ilmu tafsir, teologi, ilmu perundangan dan pengajian bahasa Arab. Di masjid Basrah M.Fadhli Ismail pernah dianjurkan halaqah ilmu wahyu, ilmu kalam, falsafah dan sastera. Perdebatan diantara Hasan al-Basri dan tokoh mu'tazilah Wasil bin Ato'.

Dalam hubungan ini, Ibn Khaldun memperkenalkan konsep tradisi pengajaran berterusan (*al-Sanad Fi al-Ta'lim*) yang menurutnya menjadi syarat utama yang mesti wujud dalam pembinaan sebuah tamadun manusia. Tugas mengajar merupakan *sin'ah* yang didalamnya ada unsur kemahiran dan bakat (*malakah*). Berdasarkan pandangan Ibn Khaldun ini, Ghazali Basri dapatlah disimpulkan bahawa peranan pendidik boleh dianggap sebagai penentu kepada pembangunan dan kelangsungan ummah. Program bersijil yang telah berjalan ialah pengajian al-quran bersanad. Bakal dilaksanakan ialah Program Bahasa Arab bersijil dibawah pimpinan Dato Mahmud Abdul yang merupakan ahli lembaga penasihat MPA dan diploma tareqat tasauf yang diperakui sijilnya oleh KUISCELL.

Falsafah rancangan takmir adalah satu usaha berterusan ke arah memperkasakan ilmu berkaitan ajaran Islam kepada masyarakat umum dan merubah sikap masyarakat dalam menghayati Islam secara komprehensif untuk mencapai kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat. Di antara objektif yang digariskan di dalam rancangan takmir ini ialah: menyebarkan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam kepada masyarakat dalam usaha untuk melahirkan anggota masyarakat yang bertakwa dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, membanteras ajaran-ajaran yang menyeleweng dan sesat, mengenengahkan tokoh-tokoh agama yang berwibawa sebagai benteng perpaduan dan ketahanan umat serta mencontohi perjuangan mereka, menjadikannya sebagai pusat pendidikan pembangunan masyarakat yang seimbang dan menjadikan masjid sebagai lambang perpaduan ummah, tempat menyelesaikan permasalahan masyarakat dan syiar keagungan Islam.

Latihan Guru Takmir Pengurusan Masjid

Beberapa program peringkat pusat dan negeri telah dirangka antaranya konvensyen imarah masjid serantau pada 4 Mei 2017 bertempat di Hotel Sunway Putra anjuran JAKIM DAN BANK ISLAM, MPA TURUT menyusun beberapa program bagi memantapkan pengurusan masjid yang cekap dan kepimpinan yang berwibawa. Diantaranya ialah konvensyen Duat yang menghimpunkan seluruh tenaga pengajar MPA, pengerusi-pengerusi surau dan staf MPA sendiri. Seminar media baharu pula mensasarkan remaja

untuk mereka terlibat didalam program dakwah. Antara lain-lain program yang dilaksanakan adalah seperti dilampirkan.

Pengambilan Tenaga Pengajar dan Kakitangan

Tenaga pengajar kuliah dan kelas Masjid Puncak Alam dipilih melalui beberapa kriteria antaranya memiliki Tauliah JAIS dan bermanhaj Ahli Sunnah wal Jamaah. Setiap penyampaian sentiasa dipantau dari masa ke semasa bagi memastikan penyampaian sesuai untuk jemaah dan pendengar yang kebanyakannya terdiri daripada golongan awam. Kakitangan dipilih setelah melalui proses temuduga dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan pihak pengurusan.

Gaji Kakitangan

Gaji kakitangan dibayar pada setiap 25 haribulan pada setiap bulan setelah membuat potongan KWSP, PERKESO, dan Zakat. Dikalangan kakitangan ada yang menerima elaun tambahan seperti penginapan, pengangkutan, dobi, telefon dan pemangku jawatan. Setiap tahun bonus diberikan berdasarkan prestasi kerja yang dinilai 2 kali setahun bagi setiap kakitangan.

Elaun Guru Takmir

Keharusan mengambil upah untuk mengajar al-quran dan ilmu-ilmu yang lain adalah berdasarkan hadis Nabi,

إن أحق ما أخذتم به أجره كتاب الله

Ini merupakan pandangan jumhur fuqaha' iaitu Imam 'Ata' bin Abi Rabah, Malik, Syafie dan ramai lagi. Manakala Imam Hasan al-Basri dan al-Sya'biy mengharuskan mengambil upah sekiranya perkara tersebut tidak disyaratkan upah tersebut al-Nawawi. Al-Qadhi Husain menerusi fatwa beliau menyatakan keharusan menerima upah menjadi muazzin dan mengajar al-Quran Sayyid Muhammad al-Ahdal. Al-Subki menegaskan melalui karyanya *Mu'id al-Ni'am wa mubid al-Niqam*: guru yang tidak memiliki kelayakan dan keahlian mengajar tidak halal menerima sebarang gaji : al-Qasimi. Pandangan ini menjelaskan bahawasanya menerima elaun, gaji atau imbuhan adalah harus selagimana guru takmir yang dilantik mempunyai kelayakan yang sesuai dan melaksanakan amanah yang ditugaskan dengan adil dan saksama. Sebanyak rm200 untuk kuliah dan rm500 kuliah, dan rm1000 ceramah dan forum perdana. MPA memperuntukkan saguhati yang lebih sekiranya pendakwah dan tuan guru yang datang daripada jauh seumpama Fatani, Indonesia dan tanah Arab.

Menariknya MPA menyediakan banyak peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk yang tinggal di Puncak Alam dan yang berdekatan dengannya.

Kurikulum Dan Kitab Rujukan Program Takmir MPA

Kandungan kurikulum ini dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu asas, pertengahan dan lanjutan KESUMA (2007) Garis Panduan Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau JAKIM. Silibus dirangka bagi melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran dan bagi menjamin ia mencapai objektif yang digariskan. Subjek Tasauf Dan Akhlak 40 Akhlak Rasul, Penawar bagi Hati, Bidayatul Hidayah,


Minhajul Abidin, Nasoihul Diniah. Tauhid Durrus Tsamin dan Aqidah Tahawiyah. Tafsir,Hadis, Bahrul Al-Madzi, Hadith Sohih Muslim 40 Hadith Nawawi dan fiqh muamalat : fail kuliah MPA.


Kajian ini selari dengan ulasan Imam Ibn Hajar al-Haitami yang mencatatkan: wajib ke atas mukallaf mempelajari perkara-perkara asas didalam ibadat seperti syarat-syarat (sah dan wajib) dan rukun-rukunnya. Ada perkara yang wajib dipelajari serta merta seperti solat fardhu dan ada pula yang wajib dipelajari ketika ingin melakukan perkara tersebut seperti manasik haji, berkahwin,berniaga dan lain-lain *al-Hawasyi al-Madaniyyah*, maktabah Mustafa al-Halabi, Kaherah.

IMARAH HISSIAH / PENTADBIRAN YANG CEKAP LAGI TERANCANG/ SOP PENGURUSAN

Setiap tugas dan pelaksanaan kerja berlandaskan SOP yang telah dipersetujui kakitangan dan ditetapkan oleh pihak pengurusan. SOP tersebut mestilah mendapat pengesahan dari pihak Audit terlebih dahulu sebelum diimplimentasi ke dalam kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan Masjid. Setiap Ketua Unit/Jabatan akan memastikan SOP dipatuhi oleh kakitangannya. Setiap daripada kakitangan yang baharu dilantik akan diberi Salinan Buku SOP dan Terma Perkhidmatan. Pihak HR juga akan mengadakan latihan dalaman di dalam pelaksanaan SOP bagi setiap kakitangan secara berkala sekali dalam setahun.

Contoh SOP

 MASJID PUNCAK ALAM		MANUAL REF.	F
		DATE ISSUED	9 JUN 2016
BAHAGIAN F— IT DAN ARKIB PERKARA F.3.2— TV INFO		DATE UPDATED	9 JUN 2016
		PAGE NO.	1/2
1. PENGENALAN			
TV Info adalah paparan iklan/pengumuman melalui television yang disediakan dengan menggunakan aplikasi IIM yang dikawalselia di Bilik PA System Bilal Masjid Puncak Alam.			
2. PEGAWAI YANG MENYELIA			
Pegawai yang bertanggungjawab di dalam menyelia TV Info masjid adalah Eksekutif IT, Arkib & Komunikasi dan dibantu oleh Penyelia Teknikal.			
3. REKABENTUK PAPARAN			
Rekabentuk Paparan TV Info bersaiz ratio paparan 34cm x 19cm dengan menggunakan Microsoft Power Point / Adobe Photoshop / yang seumpamanya. Rekabentuk mestilah berlatarbelakangkan gambar-gambar yang terdapat di dalam simpanan Arkib Masjid Puncak Alam yang dipilih bersaiz 34cm x 15.5cm. Tulisan yang digunakan mestilah jelas dan mudah dibaca. Rekabentuk ini juga mestilah disimpan dalam format JPEG.			
4. TEMPOH KEMASKINI & PAPARAN			
TV Info akan dikemaskini sekurang-kurangnya 2 kali sebulan iaitu pada akhir minggu ke-4 dan akhir minggu ke-2.			
5. PAPARAN WAJIB			
1. Jadual Kuliah Dhuha dan Maghrib 2. Iklan Ceramah Khas Bulanan 3. Semakan Tarikh Hijriyyah.			



Contoh program

Bantuan makanan kering seperti beras,gula,roti dan sardin disediakan bagi golongan yang memerlukan. Program ini membabitkan belanja sebanyak rm 104,265,25 iaitu januari sehingga oktober 2017. Bantuan kecemasan turut disediakan bagi mereka yang layak dan ianya tidak melebihi rm200. Asnaf zakat seliaan MPA memberikan bantuan kepada asnaf yang layak dan ianya lebih fokus kepada muallaf, fakir miskin, fisabalillah dan gharimin. Pusat zakat Selangor akan membuka kaunter pada setiap hari Rabu di pejabat MPA bagi melicinkan urusan asnaf. Program menambah ilmu bagi kelompok ini diwujudkan sebanyak 3 kali setahun dan seminar perniagaan turut dianjurkan oleh MPA dan MPP. Gotong royong Perdana merupakan program CSR Syarikat Puncak Niaga /semarak merdeka diraikan bagi menanam perasaan cinta negara kepada seluruh genap lapisan masyarakat. Biro wanita turut menganjurkan kursus jahitan dan memasak. / lawatan/ korban moden/ walimah dan akad nikah di dewan/silat betawi/ pusat sumber/hantar jenazah ke kg/ Bantuan kewangan MPA kepada maahad-maahad tahfiz dan surau-sarau yang berada di Puncak Alam. Di bulan Ramadhan MPA menganjurkan iftor jamaei yang boleh menampung sebanyak 1200 jemaah setiap hari.

SEBAHAGIAN PROGRAM MASJID BULAN OKTOBER 2017

1. First Aid Training
2. Temuduga Pelajar Baru Mti
3. Mesyuarat Biro
4. Temuduga Pelajar Baru Mti
5. Majlis Akad Nikah

6. Majlis Kenduri Kahwin
7. Taklimat Sistem Ilim
8. Ujian Syafawi Talaqqi Alquran Bersijil
9. Mesyuarat Bulanan Staff Mpa, Mti Dan Fnb
10. Majlis Akad Nikah
11. Temuduga Maahad Tahfiz Ismail
12. Majlis Anugerah Pencapaian Wanita
13. Ujian Tahriri Talaqqi Alquran Bersijil
14. Majlis Kenduri Kahwin
15. Kelas Latihan Silat Betawi

Haji Paimuzi Yahya (2009) Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia, Jurnal ILIM) Pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia merupakan sebahagian dari aspek kehidupan masyarakat di negara ini. Ini bersesuaian dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan dikanunkan dalam perlembagaan negara. Pengurusan sering dikaitkan dengan pengendalian dan penyusunan sesebuah organisasi atau institusi untuk mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan. Jabatan agama Islam negeri menjalankan fungsi utama dalam pengurusan hal ehwal Islam peringkat negeri yang mencakupi hal ehwal kekeluargaan, pendidikan Islam, dakwah, pendakwaan dan penguatkuasaan undang-undang, pengurusan masjid, pengurusan halal, penerbitan dan penyelidikan. Untuk memastikan keberkesanan penyampaian kepada masyarakat, pejabat agama Islam diwujudkan bagi peringkat daerah. Jabatan agama Islam juga terlibat dalam pembangunan dan menyediakan kemudahan kepada masyarakat seperti masjid, sekolah agama dan tanah perkuburan Islam. Fokus utama Bahagian Pengurusan Masjid JAIS BPMS adalah untuk menjadikan masjid zon aman untuk beribadah dan mengadakan aktiviti membangun ummah. Ia juga untuk memastikan masjid-masjid dan surau-sarau berada dalam keadaan baik dan selesa untuk umat Islam beribadat dan mengadakan program-program pengimaran.

PENUTUP

Program Takmir ialah satu program yang amat berdaya maju dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat dalam bentuk informal. Ia juga merupakan medium pengimaran masjid paling berjaya setelah diuji dalam tempoh yang lama. Kelemahan yang wujud dalam program ini bukan beerti ia perlu dipinggirkan dari aktiviti sedia ada di masjid, bahkan ia merupakan cabaran untuk pihak berwajib agama untuk memberikan nafas baru dalam berbagai aspek demi kejayaan program ini, sesuai dengan tuntutan zaman. Masjid dan ilmu tidak boleh dipisahkan, tiada yang boleh menggambarkan keperluan tautan tersebut di zaman serba mencabar ini kecuali program takmir seperti yang telah dibahaskan dalam kajian ini. Masjid perlu dilengkapi dengan berbagai prasana lain yang boleh merangsang program ini terus dominan dalam senarai aktiviti masjid. Lebih dari itu, MPA bercita-cita menjadi sebuah masjid contoh di Selangor khususnya dan Malaysia amnya dengan membangunkan imarah maknawi dan hisii dengan seimbang. Dato Mat Hairilsmail ahli tadbir MPA : Masjid adalah segala himpunan rahmat. Semuanya bakal diperoleh di masjid. Seluruh kebaikan duniawi dan ukhrawi ada di masjid. Imarahkan masjid dengan sepenuh hati dan perasaan.

Pendekatan 5P seperti yang disarankan oleh Paimuzi Yahya (Konvensyen Imarah Masjid Serantau 4 Mei 2017) cuba merumuskan konsep syura didalam pengurusan masjid iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan penambakan. MPA berusaha gigih melaksanakan konsep ini. Selain menjadi

pusat kecermalangan ilmu, transformasi pengimarah masjid perlu menumpukan kepada pengakalan data dan mesra IT. Pusat sehati dan pusat kemasyarakatan agar masjid sentiasa dekat dihati umat.

RUJUKAN

Ibn Khaldun (2004) al-Muqaddimah, Dar al-Fikr Lubnan

Dr Mahmud Abd al-Rahman (t.t) Mu'jam Mustalahat wa al-Faz al-Fiqhiyyah, Dār al-Fadhilah Kaherah

al-Qurtubi (1988) al-Jami' Li ahkam al-Quran, Dār al-Kutub al-Ilmiah Beirut

Kamus Dewan : Edisi Ketiga (2002) Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.

Ibn Manzur (2003) Lisan al-'Arab, Dār al-Hadis Kaherah.

Muhammad Hijazi (2003) al-Tafsir al-Wadhih, Dār al-Tafsir, Zaqaqiyah

Dr Yusof al-Qaradhawi (2001) al-'Aql Wa al-'Ilm Fi al-Quran al-Karim, Muassasah al-Risalah Beirut.

Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t) Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari, Dār al-Fikr Beirut.

Dr Yusoff al-Qaradhawi (2003) al-Dhawabit al-Syar'iyah Libina' al-Masajid, Maktabah Wahbah , Kaherah.

Abu Hatim al-Razi (2003) Adab al-Syafei, Dar al-Kutb al-Ilmiyyah Beirut

Dr Jamil Hasyim (2006) Masjid Sebagai Sumber Kekuatan Ummah, Konvensyen Nasional Komuniti Hadhari 2006.

Haji Paimuzi Yahya (2009) Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia, Jurnal ILIM.

al-Nawawi (1993) al-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Quran , Maktabah al-Asad Beirut.

Sayyid Muhammad al-Ahdal (1410) Ifadah al-Tullab, Matba' al-Haramain, Jedah.

Mohammad Jamaluddin al-Qasimi (1983) Islah al-Masajid min al-Bida' wa al-'Awaid, al-Maktab al-Islami, Beirut.

Abdullah Ishak.1994. Pengajian Pondok dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia dlm Abdul Halim El-Muhammady. Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.

Qasim al-Nuri (2003) Muqaddimah al-Bayan Imam 'Imrani, Dar al-Minhaj Lubnan.

Ibn Abd al-Bar (1994) Jami' Bayan al-'Ilm Wa Fadhlilihi, Dar al-Khair, Beirut

Shaikh Ali Mohammad Mokhtar (1997) Peranan Masjid Dalam Islam, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

http://www.islam.gov.my/search/luceneapi_node/UNIT%20TAKMIR (JAKIM)

Badr al-Din al-Zarkasyi (1999) I'Lam al-Sajid Bi Ahkam al-Masajid, Wazarah al-Auqaf Kaherah.

LAMPIRAN

Selamat Datang

KONVENSYEN
DU'AT
BANDAR PUNCAK ALAM
مؤتمر الدعاة فونيق عالم

bertempat di MASJID PUNCAK ALAM
15 APRIL 2017 | SABTU
8:30 pagi - 2:00 petang

www.masjidpuncakalam.com  Masjid Puncak Alam [03-3392 2811/14](tel:03-3392281114)

مسجد فونيق عالم



GOTONG ROYONG 4.0 

MEMBERSIHKAN LALUAN UTAMA PUNCAK ALAM
KEBERSIHAN TUNTUTAN AGAMA كبرسيهن تونتوتن اكام

MEI 13 BERKUMPUL DI PERKARANGAN **MASJID PUNCAK ALAM**
SABTU 7:30 pagi - 11:00 pagi

www.masjidpuncakalam.com  Masjid Puncak Alam [03-3392 2811/14](tel:03-3392281114)

Selamat Datang



TETAMU & PESERTA
MUZAKARAH
PENAKWAH PAKAR
Peringkat Negeri Selangor



bertempat di Dewan Serbaguna
MASJID PUNCAK ALAM
12 SEPT 2017 | SELASA
10:00 pagi - 3:00 petang

www.masjidpuncakalam.com

fb Masjid Puncak Alam

03-3392 2811/14

TETAMU & DELEGASI

Persatuan Ibu-Ibu Hajah Bengkulu, Indonesia
ke **MAJLIS JALINAN**
SILATURAHIM
bersama Kakitangan & Biro Wanita
Masjid Puncak Alam

bertempat di Dewan Serbaguna
MASJID PUNCAK ALAM
13 SEPT 2017 | RABU
10:00 pagi - 1:00 petang

Selamat Datang Peserta

ISLAH 3.0
Istiqomah dalam Ibadah

- * Anjuran Bersama Masjid Puncak Alam & LZS
- * Tahsin Ibadah
- * Tahsin Al-Fatihah
- * Kursus Pengurusan Jenazah
- * Motivasi Keluarga Islam
- * Sarapan & Makan Tengahari disediakan

8:30pagi - 1:30petang
Ahad 30 April 2017
di Bilik Kuliah, Masjid Puncak Alam

www.masjidpuncakalam.com | fb: Masjid Puncak Alam | 03-3392 2811/14



Program Khas
untuk
Asnaf Puncak Alam

Kempen **SOLAT SUBUH MPA**

BERJEMAAH @ MASJID PUNCAK ALAM

REMAJA (**18** Tahun ke bawah)

MASJID PUNCAK ALAM

مسجد فونجق عالم

Masjid Puncak Alam

Bermula 1 Disember

Pemenang berdasarakan kehadiran berjemaah Subuh paling banyak
Hadiah akan disampaikan pada Karnival Akhir Tahun di MPA

Pendaftaran Terbuka * Hadiah Istimewa Menanti

[f Masjid Puncak Alam](#) [@masjidpuncakalam](#) [@masjidpa](#) [YouTube MPA Live](#) [Hubungi: 03-3392 2811/14](#)



كلمة صليحة
2017
"Anak Soleh Harapan Ummah"

KEM ANAK SOLEH 3.0

Masjid Puncak Alam

TERHAD. DAFTAR DI PEJABAT MASJID SEGERA

27 - 28 November 2017

8:30 pagi - 1:30 petang

8 - 12 tahun

29 - 30 November 2017

8:30 pagi - 1:30 petang

13 - 16 tahun

[f Masjid Puncak Alam](#) [@masjidpuncakalam](#) [@masjidpa](#) [YouTube MPA Live](#) [Hubungi: 03-3392 2811/14](#)

Seminar

DAKWAH MEDIA BAHARU

BELIA & SUKARELAWAN
MASJID PUNCAK ALAM



Tuan Fahmy Adam
Pengasas DutaNaga
Pakar Perunding Media Baharu



Ustaz Hj. Kamil Hj Sidek
Jurulatih Utama
Dakwah Kebangsaan,
Kementerian Pendidikan Malaysia



Sabtu | 4 Nov 2017

7:45 pagi - 1:00 petang

Dewan Serbaguna, Masjid Puncak Alam

Daftar Online di: <http://bit.ly/SDMediaBaru>

Masjid Puncak Alam masjidpuncakalam @masjidpa YouTube MPA Live Hubungi: 03-3392 2811/14

Selamat Datang



SEMINAR PENGURUSAN MASJID & SURAU

bertempat di MASJID PUNCAK ALAM

1 APRIL 2017 | SABTU

8:00 pagi - 1:00 petang

www.masjidpuncakalam.com Masjid Puncak Alam 03-3392 2811/14

MASJID PUNCAK ALAM

KEJOHANAN BOLASEPAK 6 SEBELAH RAKAN REMAJA MASJID

TARIKH: 25 November 2017 (Sabtu)
MASA: 9.00 Pagi - 2 Petang
TEMPAT: PADANG MASJID PUNCAK ALAM
UMUR PENYERTAAN: 13 TAHUN - 17 TAHUN
TARIKH TAMAT PENYERTAAN: 23 NOV 17
NO TELEFON: 03-33922811/14

JUARA: RM350
NAIB JUARA: RM250
KE-3: RM150.00

1 PASUKAN 8 ORANG (RM20.00)
DAFTAR DI KAUNTER PEJABAT MASJID PUNCAK ALAM